

27/02/1999

Anwar tuntutan ganti rugi RM100 juta

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengemukakan pernyataan tuntutan bagi menuntut ganti rugi RM100 juta berhubung saman malunya terhadap Sun Media Corporation Sdn Bhd.

Pernyataan tuntutan itu difailkan melalui Tetuan Karpal Singh & Co di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil Wisma Denmark, di sini, kira-kira jam 3 petang tadi.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu menuntut ganti rugi kerana Sun Media selaku penerbit dan pencetak akhbar The Sun didakwa mengeluarkan satu artikel yang berniat jahat serta memfitnahnya pada 23 September 1998.

Anwar sebelum ini memfailkan saman terhadap Sun Media pada 26 Januari lalu dengan turut memohon perintah injunksi bagi menghalang defendan melalui pengarah, pekerja dan/atau ejennya, atau dalam apa cara lain daripada terus menerbitkan fitnah atau yang bersamaan terhadapnya.

Dalam pernyataan tuntutan itu, artikel yang didakwa memfitnahnya itu dikeluarkan di muka surat dua dan bertarikh 23 September lalu.

Artikel itu memetik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggambarkan pembabitan Anwar dalam perbuatan seks luar tabii dengan seorang lelaki lain.

Menurut Anwar, perkataan yang digunakan memang merujuk kepadanya, dan membawa maksud yang beliau seorang homoseksual dan menjalinkan hubungan seks dengan lelaki lain, yang bertentangan dengan aturan tabii.

Anwar mendakwa defendan tidak membuat sebarang siasatan untuk memastikan kebenaran kenyataan yang dibuat sebelum menerbitkan artikel itu.

Katanya lagi, perkataan berkenaan diterbitkan tanpa memberikan plaintif peluang membela diri, serta dengan pengetahuan yang dia berada dalam tahanan pada masa itu.

Selain itu, katanya, defendan menerbitkan semula perkataan terbabit pada halaman satu dan dua dalam akhbar bertarikh 28 Januari lalu bertajuk Report On Sodomy And Masturbation selepas writ saman terhadap artikel itu difailkan, yang membolehkan defendan mendapat keuntungan daripada penjualan surat khabarnya pada hari itu.

"Plaintif seterusnya plid bahawa perkataan terbabit diterbitkan dan diterbitkan semula pada 28 Januari lalu dengan niat memburukkan plaintif dalam kedudukan peribadi dan rasmi beliau termasuk kedudukan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan," katanya.

Menurutnya, pihak defendan menerbitkan perkataan berkenaan walaupun mengetahui plaintif menafikan sebarang pembabitan dengan salah laku seksual sebelum tangkapannya pada 20 September lalu.

"Perkataan itu juga menunjukkan plaintif adalah seorang yang bermoral sumbang, tidak layak menyandang apa-apa jawatan dan menjalani kegiatan bersifat jenayah serta boleh dihukum penjara apabila sabit kesalahan," dakwanya.

Menurut Anwar juga, perkataan berkenaan menyebabkan dia direndahkan dalam pandangan ahli masyarakat serta tersinggung perasaannya.

(END)